

5/2023 09:47 P

AIDAP 2024 BANTU KEKAL KAPASITI EFEKTIF EMPANGAN AIR ITAM



17/02/2024

GEORGE TOWN, 17 Feb (Bernama) -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melaksanakan empat langkah kontingensi kejuruteraan bekalan air di bawah Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024 (AIDAP 2024) bagi mengekalkan kapasiti efektif di Empangan Air Itam sekurang-kurangnya sehingga musim hujan akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP K. Pathmanathan berkata menerusi pelan itu pihaknya telah meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam ke Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam sebanyak 75 peratus setiap hari, daripada 44 juta liter sehari (JLH) kepada 11 JLH.

Beliau berkata langkah kedua ialah mengoptimumkan pengambilan air mentah dari muka sauk Utama dan muka sauk Tat, iaitu dua sumber air mentah lain untuk LRA Air Itam pada kadar 6 JLH.

"Ketiga mengurangkan penghasilan air terawat di LRA Air Itam pada kadar 66 peratus daripada 50 JLH kepada 17 JLH sehari.

"Langkah keempat pula, mengepam 33 JLH air terawat dari LRA Sungai Dua (Seberang Perai) ke kawasan perkhidmatan LRA Air Itam bagi menggantikan kekurangan 33 JLH dalam aliran keluar air terawat dari LRA Air Itam," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pathmanathan berkata dalam tempoh 11 hari lepas termasuk hari kemuncak Tahun Baharu Cina, kapasiti efektif Empangan Air Itam telah menurun sebanyak 0.4 peratus iaitu kurang daripada 0.04 peratus sehari.

"Kapasiti efektif di empangan itu pada 5 Feb lepas adalah 32.8 peratus dan semalam, kadar yang direkodkan 32.4 peratus. Ini disebabkan pelaksanaan AIDP 2024," katanya.

Dalam pada itu, Pathmanathan berkata paras Sungai Muda ketika ini dilihat agak 'sihat' iaitu 2.02 meter (m) yang direkodkan semalam.

Beliau berkata kapasiti Empangan Muda dan Empangan Beris yang melepaskan air ke Sungai Muda, masing-masing mencatatkan 74.8 peratus dan 100 peratus.

Justeru, berdasarkan situasi itu beliau optimis PBAPP mampu mengekalkan langkah kecemasan AIDAP 2024 untuk tempoh 30 hingga 60 hari akan datang.

Berkaitan cuaca panas ketika ini, Pathmanathan berkata biarpun AIDAP 2024 bertujuan meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam secara beransur-ansur, taburan dengan hanya 1.5 milimeter (mm) taburan hujan sejak 1 Feb lepas selain peningkatan suhu hingga 36 darjah Celsius telah menyebabkan purata aliran masuk air ke empangan itu kurang daripada biasa iaitu 15 JLH.

"Aliran (air) masuk empangan berubah-ubah antara 10 dan 12 JLH dari tiga muka sauk empangan iaitu muka sauk Balik Pulau, Sungai Tepi dan Sungai Pinang Barat dan hasilnya, kapasiti efektif empangan menurun sedikit sebanyak 0.4 peratus dalam tempoh 5 hingga 16 Feb," katanya.